

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 MAC 2022  
AKHBAR : BERNAMA  
CAPAIAN :<https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2063685#.YjbyEsCHfVw.t>  
[witter](#)

### Projek naik taraf LTSIP lewat 83 hari kerana kekurangan buruh asing - Mustapa



Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed (kiri) bersama Pengarah JKR Negeri Kelantan Mohd Suhaili Ismail semasa melawat ke tapak projek pembinaan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di sini. --fotoBERNAMA (2022) HAK CIPTA TERPELIHARA

KOTA BHARU, 20 Mac (Bernama) -- Kerja-kerja naik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) di Pengkalan Chepa di sini mengalami kelewatan selama 83 hari berikutan kekurangan buruh asing, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau berkata kerja-kerja naik taraf dan pembesaran LTSIP ketika ini hanya mencapai kemajuan sebanyak sembilan peratus yang sepatutnya sudah mencecah 14 peratus, jika mengikut perancangan asal.

Mustapa berkata selain kekurangan buruh asing, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini turut menyumbang kepada kelewatan untuk mendapatkan bekalan bagi kerja-kerja naik taraf dan pembesaran.

“Sekarang kita hanya mempunyai seramai 180 pekerja untuk melaksanakan proses menaik taraf dan pembesaran LTSIP, daripada jumlah itu 30 pekerja

tempatan dan selebihnya adalah pekerja asing. Apabila pembinaan sampai ke kemuncak (peringkat akhir) keperluan tenaga kerja akan mencapai sehingga 400 pekerja.

“Bagaimanapun, isu kekurangan pekerja asing ini merupakan masalah yang dihadapi di peringkat nasional bukan sahaja di Kelantan terutamanya membabitkan kerja-kerja di tapak pembinaan dan juga sektor perlandangan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke tapak projek pembinaan LTSIP di Pengkalan Chepa, di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Mustapa berkata bagi mengatasi masalah kekurangan buruh asing, pihak kontraktor yang menguruskan projek berkenaan telah memohon Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk mendapatkan buruh asing.

“Selain itu, Kementerian Pengangkutan juga sedang berusaha untuk menyelesaikan masalah kekurangan pekerja untuk membantu syarikat. Kita harap perkara ini dapat diselesaikan dengan segera memandangkan kita hanya mempunyai sekitar dua tahun lagi untuk menyiapkan projek ini,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya berharap isu berkenaan dapat diselesaikan dengan segera memandangkan projek ikonik bernilai RM440 juta itu merupakan antara projek terbesar kerajaan dan dinanti-nantikan oleh seluruh rakyat Kelantan.

“Apabila projek ini siap, ia mampu mengendalikan sehingga 4 juta penumpang setahun berbanding 1.5 juta penumpang sekarang dengan kemudahan bertaraf antarabangsa ditawarkan selain mempunyai kemudahan 11 parkir pesawat berbanding 5 sebelum ini,” katanya.

Menurut Mustafa, kadar pemulihan membabitkan bilangan penumpang yang menggunakan LTSIP juga bergerak pantas dan ia menjadi antara lapangan terawal pulih seperti keadaan sebelum pandemik COVID-19 dengan jumlah penumpang menggunakan LTSIP mencecah sehingga 90 peratus kapasitinya.

-- BERNAMA